



Headline: Kerani wanita rugi RM31,502 ditipu sindiket pinjaman palsu
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 15 October 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 19

Kerani wanita rugi RM31,502 ditipu sindiket pinjaman palsu

Kuantan: Seorang kerani yang berhasrat meminjam wang untuk dijadikan modal perniagaan, kerugian RM31,502 selepas ditipu sindiket pinjaman wang yang tidak wujud di Facebook (FB).

Kejadian berlaku pada 30 September lalu apabila mangsa wanita berusia 29 tahun dan tinggal di Bukit Pelindung, di sini, tertarik dengan iklan pinjaman wang di FB menggunakan nama 'Swasta Solution'.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa kemudian mengisi borang dalam talian selepas berminat membuat pinjaman wang berjumlah RM200,000 untuk dijadikan modal perniagaan dalam urusan kerja kontrak ladang.

Dapat panggilan

"Pada hari sama, mangsa mendapat panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Mr Wong, daripada syarikat pinjaman wang bernama Star Credit Sdn Bhd, yang bertanyakan mengenai pinjaman dimohon pengadu."

"Panggilan itu kemudian disambungkan kepada 'bos' syarikat berkenaan yang bernama Alan sebelum kononnya pinjaman mangsa sudah lulus," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Beliau berkata, pada 3 Oktober lalu, Alan menghubungi mangsa melalui aplikasi WhatsApp dan memintanya membuat bayaran dengan alasan untuk urusan dokumen serta peguam.

"Mangsa tidak mengesyaki apa-apa dan membuat pindahan wang sebanyak 13 kali ke tiga akaun berbeza, dengan jumlah keseluruhan RM31,502.

"Mangsa membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, semalam (kelmarin) selepas tidak menerima wang walaupun telah menjelaskan pelbagai bayaran yang diminta," katanya.



Pada hari sama, mangsa mendapat panggilan daripada seorang lelaki

yang memperkenalkan diri sebagai Mr Wong, daripada syarikat pinjaman wang bernama Star Credit Sdn Bhd, yang bertanyakan mengenai pinjaman dimohon pengadu"

Mohd Wazir Mohd Yusof,

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Pahang